



(dari kiri) ELDYSHAM, Emmy Ahkim dan Felnidiah.

# Tiga atlet cemerlang UMS wakili Sabah pada Sukma 2012

UB 24.05.2012 A14

KOTA KINABALU: Tiga atlet cemerlang Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Eldysham Iron, Felnidiah Lok Lassim dan Emmy Ahkim merupakan pelajar tahun satu yang mengambil jurusan Sains Sukan.

Ketiga-tiga atlet ini bukan sahaja cermelang dalam bidang pelajaran namun unggul dalam bidang sukan olahraga dan merupakan atlet Sabah bagi Sukan Malaysia (Sukma) 2012 yang akan berlangsung di Pahang bulan Julai depan.

Walaupun sibuk dengan masa kuliah, namun ketiga-tiga atlet ini masih dapat mengimbangkan masa latihan seperti biasa demi mencapai prestasi terbaik pada Julai nanti.

Pada Sukma 2010 yang telah berlangsung di Stadium Hang Jebat, Melaka, Eldysham mendapat tempat ke-4 dengan catatan masa 53.78s.

Emmy Ahkim pula meraih pingat emas dalam acara 400meter lari berpagar dengan catatan masa 64.21s, begitu juga dengan Felnidiah Lok Lassim yang mendapat tempat ke-4 dengan catatan

masa 15.12s.

Sekali lagi, ketiga-tiga atlet ini akan mewakili negeri Sabah pada Sukma 2012 yang akan berlangsung di Kuantan, Pahang pada bulan Julai depan.

Jika dibandingkan pencapaian semasa ketiga-tiga atlet ini, mereka perlu berkerja keras demi menandingi pesaing terdekat mereka iaitu Mohd Fridaus Mazlan (Kedah) dalam acara 400meter lari berpagar dengan catatan masa 52.50s dan merupakan rekod baru junior Malaysia baru-baru ini.

Manakala Raja Nursheela Raja Azhar (Selangor) dalam acara 100meter lari berpagar dengan catatan masa 14.19s dan pesaing Emmy Ahkim adalah Nurul Faezah Asma Mazlan 65.16s (Terengganu).

Menurut ketiga-tiga atlet ini, kali ini adalah peluang terakhir mereka menyertai sukan yang prestasi tinggi di Malaysia dan berharap dapat memperbaiki catatan masa terbaik bagi tahun terakhir pekerjaan mereka demi mengharumkan nama negeri Sabah serta UMS.